

60 Subsektor dengan 8,700 Outlet Sertai Jualan Bersepadu 1Malaysia 2014

Bernamea

Jun 22, 2014

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Sebanyak 60 subsektor merangkumi 942 syarikat dengan 8,700 outlet akan menyertai Jualan Bersepadu 1Malaysia tahun ini.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata jualan itu, yang akan dilancarkan bersama Karnival Jualan Mega 1Malaysia, menyaksikan penyertaan bukan sahaja sektor beli-belah dan peruncitan malah subsektor seperti bank, spa, hotel, pengangkutan dan telekomunikasi.

Beliau berkata ini akan memberi peluang kepada rakyat Malaysis dan pelancong asing menikmati diskaun hebat bagi semua barangan di seluruh negara.

"Ini masuk tahun ketiga Kementerian pelancongan dan Kebudayaan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mempromosikan kempen jualan terbesar ini," katanya semasa berucap pada prapelancongan Karnival Jualan Mega 1Malaysia dan Jualan Bersepadu 1Malaysia 2014 di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Mohamed Nazri berkata kedua-dua jualan serentak itu menawarkan promosi menarik selama lebih dua bulan kepada pembeli mulai 28 Jun hingga 1 September.

Pada majlis itu, Mohamed Nazri turut melancarkan Persatuan Peruncit Batu Road (BARRA) bertujuan mempromosi dan menambah baik perniagaan peruncitan di sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman.

"Sebagai satu daripada jalan peruncitan yang tertua dan mempesonakan, saya berharap penubuhan persatuan ini akan membantu mengembangkan perniagaan di Jalan Tuanku Abdul Rahman," katanya.

Pada prapelancongan itu, sebuah buku peringatan untuk Tourism Malaysia juga dilancarkan bertemakan 'Malaysia, Simply Spectacular Shopping'.

Buku itu dihasilkan secara kerjasama oleh Tourism Malaysia dan Persatuan Gedung

Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048391>